

Oleh Saiful Affendy
Sapransaulaffendy@hmetro.com.my

Sedia ganti Brunei

Malaysia sambut tawaran jadi tuan rumah Sukan Sea 2027

Kuala Lumpur

Malaysia berminat menganjurkan edisi ke-34 temasya Sukan Sea 2027 selepas menerima tawaran daripada Persekutuan Sukan Sea (SEAGF).

Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata, tawaran itu dikemukakan kepada Malaysia berikutan pengunduran

Brunei yang sepatutnya menganjurkan temasya sukan dwi tahunan itu.

"SEAGF menghubungi MOM berkenaan kebarangkalian Malaysia menjadi tuan rumah temasya Sukan Sea ke-34 pada 2027 kerana pengunduran Brunei.

"Jadi mesyuarat hari ini (semalam) bersetuju menghantar surat menyatakan

minat kepada SEAGF. Namun kita memahami situasi kerajaan ketika ini.

"Kami hantar dahulu surat itu dan sentiasa berhubung dengan kerajaan selepas keadaan kewangan lebih stabil atau lebih baik," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Eksekutif MOM, semalam.



Kami hantar dahulu surat itu dan sentiasa berhubung dengan kerajaan selepas keadaan kewangan lebih stabil atau lebih baik"

Mohamad Norza

Katanya, jika melihat kepada fasiliti dimiliki Malaysia ketika ini, kos menganjurkan temasya itu dijangka tidak terlalu tinggi.

"Bagaimanapun segalanya bergantung kepada kemampuan kerajaan. Buat masa sekarang kami tidak mahu bercakap mengenainya. Kita kena lihat situasi semasa dalam tempoh lima

tahun lagi," katanya.

Katanya, Malaysia menyatakan minat menjadi tuan rumah pada 2027 atas dasar semangat setiakawan dalam kalangan negara di Asia Tenggara selain bera-sakan mampu menganjurkannya.

Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah temasya sukan itu pada 2017. Sementara itu, Norza turut mengumumkan pelantikan Penolong Bendahari MOM, Datuk Mohd Nasir Ali selaku chef de mission (CDM) ke temasya Sukan Sea Kemboja 2023.